

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(V)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB. GOOI ZI SEN**

2. Kerajaan Negeri telah mengumumkan bahawa larangan penggunaan *straw* akan bermula pada 1 Januari 2019.
- (a) Apakah tahap pencapaian atau kejayaan terkini berhubung dengan dasar tersebut? Sila sertakan dengan maklumat atau statistik terperinci.
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri akan membuat semakan semula khususnya berhubung kaedah dan publisiti pelaksanaan dasar tersebut?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mula melaksanakan Kempen Larangan Penggunaan Penyedut Minuman Plastik (*No To Plastic Straw*) secara menyeluruh di peringkat negeri bermula pada 1 Januari 2019.

Sasaran jangka pendek dan jangka panjang kerajaan negeri untuk penggunaan plastik di negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

- (i) Jangka Pendek:-

Meminimumkan penggunaan dan impak pencemaran plastik terhadap alam sekitar.

(ii) Jangka Panjang:-

Peralihan penggunaan produk pengganti kepada plastik (*substitute product to plastic*) melalui penggalakan ekonomi hijau (*green economy*).

- (a) Tahap pencapaian atau kejayaan dalam pelaksanaan Kempen Larangan Penggunaan *Penyedut Minuman* Plastik hanya akan dapat dinilai dan diperolehi semasa pelaksanaannya di peringkat fasa ketiga bermula Januari 2021 apabila ianya diwajibkan ke atas setiap premis berlesen di bawah Pihak Berkuasa Tempatan.

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pengurusan Sisa Plastik Negeri Pulau Pinang telah menetapkan garis masa pelaksanaan Kempen Larangan Penggunaan *Penyedut Minuman* Plastik adalah seperti berikut:-

FASA	TEMPOH KEMPEN	PENDEKATAN
Pertama	Jan 2019 - Jun 2020	- kempen kesedaran (<i>educational awareness</i>)
Kedua	Jul 2020 - Dis 2020	- penguatkuasaan secara berhemah (<i>educational enforcement</i>)
Ketiga	Jan 2021 dan selanjutnya	- penguatkuasaan penuh (<i>full enforcement</i>)

Pada peringkat fasa pertama dari Januari 2019 hingga Jun 2020 (*educational awareness*) dan fasa kedua dari Julai 2020 hingga Disember 2020 (*educational enforcement*), penyertaan premis-premis perniagaan dalam Kempen Larangan Penggunaan *Penyedut Minuman* Plastik adalah secara sukarela (*voluntary basis*). Pelaksanaan fasa ketiga (*full enforcement*) yang akan bermula Januari 2021 mewajibkan semua premis yang berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan mematuhi sepenuhnya Larangan Penggunaan *Penyedut Minuman* Plastik.

- (b) Kerajaan Negeri melalui Penang Green Council akan terus melaksanakan usaha publisiti Kempen Larangan Penggunaan Penyedut Minuman Plastik menggunakan kaedah-kaedah berikut:-
- (i) Melarang penggunaan plastik sekali guna termasuk penyedut minuman plastik di jabatan/agensi premis kerajaan serta semasa penganjuran program di bawah Kerajaan Negeri untuk dijadikan contoh (*role model*) kepada masyarakat;
 - (ii) Mendekati masyarakat serta pemilik premis perniagaan untuk memberikan informasi dan kesedaran supaya menyokong Kempen Larangan Penggunaan Penyedut Minuman Plastik;
 - (iii) Menganjurkan sesi dialog bersama pemilik premis perniagaan untuk mendapatkan maklum balas dan input bagi menambah baik mekanisme pelaksanaan polisi semasa;
 - (iv) Membuat promosi dan publisiti kempen melalui edaran poster dan penggunaan platform media sosial; dan
 - (v) Penganjuran forum melibatkan pelbagai pemegang taruh untuk berkongsi pengalaman pelaksanaan amalan terbaik dan inisiatif hijau dalam menangani isu pencemaran plastik.

Namun begitu, semakan semula kaedah publisiti Kempen Larangan Penggunaan Penyedut Minuman Plastik bagi memantapkan pelaksanaannya akan dikaji dari semasa ke semasa melalui Jawatankuasa Pengurusan Sisa Plastik Negeri Pulau Pinang mengikut keperluan supaya kempen ini mencapai matlamat yang disasarkan.